

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

TERMA DAN SYARAT BAGI PROGRAM SAHABAT AGRO (AgroPrimaS)

PENTING : SILA BACA KESELURUHAN TERMA DAN SYARAT DENGAN TELITI DAN PASTIKAN ANDA MEMAHAMI DAN BERSETUJU DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TERSEBUT DI BAWAH.

1. DEFINISI

- Ahli** : Merujuk kepada individu atau bukan individu (Pertubuhan/Persatuan/Kelab/Koperasi/Perniagaan Tunggal/Perniagaan Perkongsian/Syarikat) yang didaftarkan untuk keahlian di bawah Program Sahabat Agro.
- Bank** : Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad 200801010522 (811810-U) ("Agrobank") yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726, Kuala Lumpur.
- Ganjaran** : Merujuk kepada insentif tunai yang akan dikreditkan ke dalam akaun Ahli.
- Kakitangan** : Merujuk kepada mana-mana kakitangan yang berkhidmat dengan Agrobank.
- Pemohon** : Merujuk kepada pihak yang membuat permohonan untuk menjadi Ahli.
- Penama** : Merujuk kepada Penama yang dinamakan oleh Ahli dan telah didaftarkan sebagai Ahli
- Perujuk** : Ahli yang merujuk Pemohon kepada Program Sahabat Agro.
- Prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat)** : Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara. Menerusi konsep ini, pemberian hibah/hadiah hanya akan berlaku apabila syarat yang ditetapkan sudah berlaku.
- Produk Berkaitan** : Merujuk kepada produk yang terlibat dalam urusan Program Sahabat Agro di mana pihak Agrobank akan berkongsi sebahagian daripada perolehan pendapatan bersih produk dengan Ahli.
- Rangkaian** : Merujuk kepada rangkaian/Kumpulan Ahli beserta kesemua Rujukan yang dirujuk oleh Ahli tersebut.
- Rujukan** : Merujuk kepada Pemohon yang dirujuk dan didaftarkan oleh seorang Ahli sebagai Ahli atau Bukan Ahli di dalam Rangkaian Ahli tersebut.
- SARMS** : *Sahabat Agro Reward Management System*

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

“Program Sahabat Agro” adalah sebuah program yang dianjurkan oleh Agrobank di mana para Ahli yang menyertai Program Sahabat Agro mendapat peluang untuk memperoleh ganjaran dengan merujukkan pelanggan kepada Agrobank. Ganjaran akan diberikan kepada Ahli bagi setiap Rujukan yang melanggan Produk Berkaitan yang ditawarkan oleh Agrobank.

Penyertaan Ahli-ahli adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank. Melalui penyertaan dan Program Sahabat Agro ini, para Ahli bersetuju untuk memenuhi keperluan Terma dan Syarat serta keperluan tambahannya, perubahan dan pindaan yang dilakukan sebagaimana yang dipersetujui dan diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Agrobank. Keputusan adalah muktamad dalam semua perkara yang berkaitan dengan Program Sahabat Agro ini.

2. PRINSIP SYARIAH

- 2.1 Prinsip Syariah yang diamalkan dalam Program Sahabat Agro ini adalah prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat).
- 2.2 Berdasarkan Prinsip Hibah Mu’allaqah, pihak Agrobank akan memberikan hibah kepada pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.

3. MAKLUMAT PRODUK-PRODUK YANG TERLIBAT

- 3.1 Berikut adalah merupakan produk-produk yang terlibat. Pelanggan boleh melayari pautan di bawah untuk maklumat lanjut berkaitan produk-produk atau bagi tujuan langganan.

Produk	Maklumat Produk
AgroPrimaS	https://www.agrobank.com.my/product/agroprimas/

4. KEAHLIAN

- 4.1 Kelayakan
 - i. Program Sahabat Agro adalah terbuka kepada individu warganegara Malaysia, residen tetap dan bukan warganegara yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai pasport bersama pas untuk tinggal di Malaysia tidak kurang daripada 12 bulan sama ada pelanggan sedia ada Agrobank atau tidak dan juga terbuka kepada Pertubuhan/Persatuan/Kelab/Koperasi/Perniagaan Tunggal/Perniagaan Perkongsian/Syarikat yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (1956), atau Akta Syarikat 1965 dan/atau Akta Syarikat 2016, atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (swasta terhad, permilikan tunggal dan perkongsian) atau bagi Sabah & Sarawak pihak berkuasa berkaitan atau Pejabat Daerah (District Offices) dan Badan/Lembaga berkanun (statutory) bagi penyedia perkhidmatan profesional.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

- ii. Kakitangan Agrobank tidak dibenarkan menyertai program ini. Walbagaimanapun, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Agrobank dibenarkan menyertai program ini.
- iii. Berumur 18 tahun ke atas.
- iv. Pemohon hendaklah terlebih dahulu membuka dan/atau mempunyai Akaun Deposit Berjangka (AgroPrimaS) di Agrobank dan mengekalkan baki minimum berjumlah RM500.00 di dalam akaun tersebut. Kegagalan untuk membuka dan/atau mempunyai akaun tersebut akan menyebabkan permohonan untuk menjadi Ahli atau Bukan Ahli ditolak.
- v. Pemohon hendaklah terlebih dahulu membuka dan/atau mempunyai akaun simpanan di Agrobank bagi tujuan pembayaran Ganjaran. (Deposit minimum yang diperlukan bagi pembukaan akaun adalah tertakluk kepada polisi produk yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank).

4.2 Pendaftaran

- i. Pendaftaran sebagai Ahli Sahabat Agro boleh dilakukan secara berikut:-

a. Secara Manual di Kaunter Perbankan

Bagi pendaftaran Ahli secara manual di kaunter perbankan, borang penyertaan Program Sahabat Agro perlu diisi dan ditandatangani oleh Pemohon dan Perujuk serta diserahkan kepada Agrobank semasa proses pendaftaran bagi memudahkan proses pendaftaran Ahli dan Perujuk di dalam sistem.

b. Secara Dalam Talian

Pemohon juga boleh mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro secara dalam talian melalui aplikasi pembukaan akaun dalam talian mudah alih.

- ii. Pemohon perlu memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat keahlian, serta maklumat produk dan program seperti yang terdapat pada Lembaran Maklumat Program Sahabat Agro.
- iii. Ahli-ahli berpeluang memperoleh Ganjaran penuh dengan merujuk Pemohon kepada Agrobank untuk menjadi Ahli dan menjadi Rujukan di Rangkaian mereka (tertakluk kepada Terma dan Syarat keahlian). Pihak Agrobank mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang penjelasan.
- iv. Sekiranya terdapat Ahli lain merujuk Pemohon dengan nombor keahlian yang sama, pihak Agrobank hanya akan memproses borang daripada Pemohon yang didaftarkan atau diterima lebih awal.

4.3 Tempoh keahlian

- i. Tempoh keahlian bagi Program Sahabat Agro (AgroPrimaS) adalah selama 12 bulan.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

- ii. Tempoh keahlian bermula daripada tarikh kelulusan keahlian di dalam SARMS.
- iii. Buat masa ini, tiada yuran tahunan yang dikenakan kepada Ahli dan keahlian di dalam Program Sahabat Agro akan diperbaharui secara automatik di dalam SARMS. Notifikasi melalui SMS akan dihantar kepada Ahli apabila keahlian diperbaharui.

4.4 Yuran/Fi/Bayaran

- i. Yuran/fi/bayaran yang terlibat di dalam Program Sahabat Agro adalah seperti di bawah :-

Jenis Yuran/Fi/Bayaran	Jumlah (RM)	Butiran
Lain-lain Yuran/Fi yang melibatkan AgroPrimaS**	Tertakluk kepada jumlah yuran/fi yang dikenakan oleh pihak Agrobank.	Yuran/Fi yang dikenakan adalah berdasarkan terma dan syarat bagi pembukaan Akaun Deposit Berjangka (AgroPrimaS).

**Yuran/fi/bayaran yang dikenakan seperti di atas adalah tertakluk kepada caj CBP yang ditetapkan oleh kerajaan.

Adalah dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 1 Jun 2018, Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) akan dikenakan ke atas fi dan caj (jika berkenaan) bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Agrobank tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan.

- ii. Agrobank berhak melakukan set-off pada akaun Ahli bagi menyelesaikan apa-apa tunggakan bayaran (*any amount due*) Ahli dengan Agrobank termasuk dan tidak terhad kepada yuran/fi/bayaran seperti di atas dan lain-lain.

4.5 Penamatan Ahli

- i. Pihak Agrobank boleh menamatkan/membatalkan keahlian secara automatik atas sebarang sebab jika Ahli gagal mematuhi terma dan syarat berikut :-
 - a. Gagal untuk bertindak jujur ; atau
 - b. Memberikan sebarang maklumat palsu kepada Agrobank ; atau
 - c. Memberikan gambaran yang salah mengenai Agrobank kepada mana-mana pihak yang terlibat atau berminat menyertai Program Sahabat Agro ; atau
 - d. Terlibat dalam sebarang aktiviti penipuan di bawah Program Sahabat Agro ; atau
 - e. Gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat perjanjian ; atau
 - f. Sebab-sebab lain yang diputuskan oleh Agrobank yang boleh menyebabkan kerugian kepada Agrobank, mencemarkan reputasi Agrobank dan sebagainya.

Penamatan tersebut akan menyebabkan kesemua Ganjaran Ahli yang terkumpul tidak layak diterima oleh Ahli.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

- ii. Ahli boleh pada bila-bila masa menamatkan keahlian secara sukarela dan dengan itu tidak lagi layak memperoleh Ganjaran bermula dari tarikh penamatan tersebut. Bagi proses penamatan keahlian oleh Ahli, Ahli dikehendaki untuk menghadirkan diri ke mana-mana cawangan Agrobank dan mengisi Borang Penamatan Keahlian Program Sahabat Agro untuk tujuan kemaskini di pihak Agrobank.
- iii. Sekiranya bekas Ahli mendaftar semula di dalam Program Sahabat Agro ini, sebarang Ganjaran dan keistimewaan yang dinikmati di dalam keahlian yang telah ditamatkan tidak akan dibawa ke dalam keahlian baru yang didaftarkan.
- iv. Ahli mempunyai pilihan untuk mengekalkan atau menutup Akaun Deposit Berjangka (AgroPrimaS) yang telah didaftarkan sepanjang keahlian Ahli di dalam Program Sahabat Agro selepas penamatan keahlian berlaku. Sekiranya Ahli mengekalkan akaun tersebut, Perujuk Ahli masih layak untuk menerima Ganjaran sekiranya akaun tersebut mempunyai nilai deposit yang layak untuk dikira bagi pemberian Ganjaran.

5. GANJARAN

- 5.1 Pemohon yang layak dan dirujukkan mesti memenuhi keperluan Agrobank terutamanya dari segi kelayakan yang melibatkan Produk Berkaitan. Ganjaran tidak akan diberikan kepada Ahli sekiranya Pemohon yang dirujukkan tidak memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank seperti di bawah:
 - a. Diberikan kepada Ahli baru yang mendaftar dan Ahli yang merujuk dan mengekalkan sekurang-kurangnya satu (1) orang Ahli di dalam empat (4) peringkat dalam Rangkaian beliau.
 - b. Ahli layak menerima Ganjaran bagi setiap Rujukan di dalam rangkaianya apabila Ahli membuat deposit minimum RM500.00 di dalam Akaun Deposit Berjangka (AgroPrimaS) dan mengekalkan baki di dalam akaun tersebut sebanyak RM500.00 sepanjang keahlian.
 - c. Ahli layak untuk menerima Ganjaran bagi setiap Rujukan di dalam rangkaianya apabila Ahli mengekalkan keahlian di dalam Program Sahabat Agro.
 - d. Ahli layak untuk menerima Ganjaran bagi setiap Rujukan di dalam rangkaianya selagi Ahli dan Rujukan mematuhi segala Terma dan Syarat bagi Program Sahabat Agro.
- 5.2 Pengiraan nilai deposit Ahli yang layak dikira bagi pengiraan Ganjaran adalah tertakluk kepada mekanisma yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank. (Penerangan mengenai formula pengiraan boleh dirujuk kepada **Jadual 1**).
- 5.3 Bagi tujuan Ganjaran yang diperoleh dalam sistem Rangkaian Rujukan, peringkat rangkaian akan berakhir selepas peringkat ke-4 bagi Ahli.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

- 5.4 Jika Ahli pada mana-mana empat (4) peringkat mematuhi segala terma dan syarat serta mengekalkan deposit mengikut ketetapan Agrobank, sebahagian daripada nilai deposit yang layak dikira bagi pengiraan Ganjaran yang dilakukan oleh Ahli iaitu sebanyak **1.4% SETAHUN*** akan dibahagikan secara peratusan kepada empat (4) peringkat di atasnya. Nilai peratusan yang dinyatakan di atas adalah seperti di bawah :-

Peringkat Keahlian	Peratusan Ganjaran
Peringkat 1	30%*
Peringkat 2	25%*
Peringkat 3	23%*
Peringkat 4	22%*

*Agrobank berhak mengubah nilai peratusan Ganjaran mengikut budi bicara Agrobank dari semasa ke semasa sama ada bagi tujuan promosi atau lain-lain tujuan.

- 5.5 Ganjaran dihitung dan dikreditkan terus kepada Ahli dalam Ringgit Malaysia (RM) setiap bulan ke dalam akaun Ahli selepas proses pengiraan dilakukan oleh sistem. Ganjaran tidak boleh ditukar milik atau digantikan dengan sebarang pertimbangan lain.
- 5.6 Ganjaran adalah milik Ahli dan tidak boleh digabungkan dengan Ganjaran yang diperoleh atau bakal diterima oleh Ahli lain dan penggantian atau pemindahan Ganjaran kepada Ahli lain adalah tidak dibenarkan.

6. PINDAHMILIK KEAHLIAN SETELAH KEMATIAN AHLI

- 6.1 Ahli dibenarkan untuk pindahmilik keahlian mereka kepada Penama yang dinamakan oleh Ahli.
- 6.2 Ahli diberikan pilihan untuk menamakan Penama Pindahmilik keahlian Program Sahabat Agro semasa atau selepas proses pendaftaran keahlian. Penama yang dinamakan oleh Ahli hendaklah mempunyai akaun simpanan bersama pihak Agrobank.
- 6.3 Ahli diminta untuk mengisi Borang Penamaan Pindahmilik Keahlian Program Sahabat Agro semasa atau selepas proses pendaftaran keahlian dilakukan oleh Ahli di mana-mana cawangan Agrobank. Ahli juga dibenarkan untuk menukar Penama sepanjang keahlian Ahli dengan mengisi Borang Penamaan Pindahmilik Keahlian Program Sahabat Agro.
- 6.4 Penama yang dinamakan oleh Ahli layak untuk menerima sebarang Ganjaran dan keistimewaan daripada keahlian yang telah dipindahmilik setelah Ahli meninggal dunia. Akan tetapi, Penama tidak dibenarkan untuk mengembangkan keahlian yang telah dipindahmilik.
- 6.5 Adalah menjadi tanggungjawab kepada Ahli untuk memaklumkan kepada Penama bahawa beliau telah didaftarkan sebagai Penama kepada keahlian Ahli sekiranya Ahli

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

telah meninggal dunia. Pihak Agrobank tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesulitan/kerugian/musibah yang ditanggung oleh Penama sekiranya Ahli tidak berbuat demikian.

- 6.6 Sekiranya berlaku kematian kepada Ahli dan perkara tersebut dimaklumkan kepada pihak Agrobank berdasarkan polisi semasa Agrobank, sistem secara automatik akan melakukan kemaskini ke atas keahlian si mati dengan menukar keahlian kepada penama yang telah didaftarkan oleh Ahli.
- 6.7 Sekiranya Ahli meninggal dunia dan Ahli tidak mencalonkan sebarang Penama bagi keahlian mereka, Agrobank secara automatik akan memberhentikan pembayaran Ganjaran kepada akaun Ahli.

7. ADUAN

- 7.1 Sekiranya Ahli mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan Program Sahabat Agro, pengadu boleh menghubungi pihak Agrobank di :-
Customer Relationship Management Department, Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726, Kuala Lumpur.
Telefon : 1-300-88-2476
E-mel : customer@agrobank.com.my
- 7.2 Sekiranya aduan berkaitan dengan Program Sahabat Agro tidak diselesaikan oleh pihak Agrobank, pengadu boleh menghubungi BNMLINK menerusi borang dalam laman sesawang di bnmlink.bnm.gov.my atau hubungi 1-300-88-5465.

8. PERUNTUKAN UMUM

- 8.1 Dengan menyertai program ini, pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank melibatkan program ini.
- 8.2 Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui medium seperti di bawah:-
 - i. Pusat Panggilan Bank 1-300-88-2476;
 - ii. Layari laman sesawang rasmi Bank di www.agrobank.com.my;
 - iii. Kunjungi mana-mana Cawangan Agrobank yang berhampiran.
- 8.3 Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam program ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri produk dan servis yang dilanggan oleh pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di cawangan Agrobank yang berdekatan.
- 8.4 Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam Terma dan Syarat ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh pihak Agrobank berhubung program ini adalah muktamad

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

dan konklusif. Pihak Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh pihak Agrobank.

- 8.5 Pihak Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat bagi program ini dengan notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan yang dimaksudkan dikuatkuasakan. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenal pasti oleh pihak Agrobank termasuk tetapi tidak terhad melalui pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- 8.6 Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dilakukan oleh pihak Agrobank, pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada pihak Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada Agrobank bagi sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang ditanggung oleh pelanggan semasa menyertai program ini.
- 8.7 Jika terdapat sebarang keraguan dan masalah yang melibatkan program ini dan juga sebarang bahan pemasaran yang digunakan dalam program ini rujukan utama akan diberi keutamaan kepada Terma dan Syarat program ini dalam versi Bahasa Melayu.

JADUAL 1**1) Pengiraan Ganjaran (item yang diambil kira)**

- i. Bagi Program Sahabat Agro, pihak Agrobank bersetuju untuk memberikan Ganjaran sebanyak 1.4% daripada nilai deposit yang layak untuk dikira bagi pemberian Ganjaran berdasarkan Rangkaian Rujukan Ahli.
- ii. Item-item yang diambil kira bagi pengiraan nilai deposit yang layak untuk dikira bagi pemberian Ganjaran berdasarkan Rangkaian Rujukan Ahli adalah seperti berikut :-
 - a) Stored Average Credit Balance of Saving Account
 - i. **Pelanggan Baru Agrobank**
Bagi Pelanggan Baru Agrobank, Ahli akan bermula dengan nilai sifar (0).
 - ii. **Pelanggan Sedia ada Agrobank**
Bagi Pelanggan Sedia ada Agrobank, sistem akan mengambil kira purata *Average Credit Balance* bagi semua akaun simpanan pelanggan yang ada bagi tempoh enam (6) bulan sebelum program ini dilaksanakan.
 - b) AgroPrimaS Average Credit Balance (Month End)
Pihak Agrobank akan mengira *Average Credit Balance* bagi akaun AgroPrimaS Ahli setiap bulan.
 - c) All Saving Average Credit Balance (Month End)
Pihak Agrobank akan mengira *Average Credit Balance* bagi semua akaun simpanan milik Ahli setiap bulan.

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (200801010522 (811810-U))

2) Pengiraan Ganjaran (Formula dan Pengiraan)

- i. Item-item yang diambil kira seperti di atas :-

A	AgroPrimaS Average Credit Balance (Month End)
B1	Stored Average Credit Balance of Saving Account
B2	All Saving Account Average Credit Balance (Month End)

- ii. Formula bagi pengiraan deposit yang layak untuk dikira bagi pemberian Ganjaran adalah $A + B2 - B1$
- iii. Terdapat dua peraturan yang ditetapkan oleh pihak Agrobank di dalam pengiraan ini iaitu:-

- a) Ganjaran hanya akan dikira sekiranya terdapat peningkatan kepada nilai deposit iaitu apabila AgroPrimaS *Average Credit Balance (Month End)* ditolak dengan *Stored Average Credit Balance of Saving Account* dengan memberikan nilai positif.
- b) Sekiranya nilai yang layak dikira bagi pemberian Ganjaran adalah lebih tinggi daripada nilai *Average Credit Balance* Akaun AgroPrimaS Ahli, maka nilai yang lebih rendah di antara kedua-dua nilai yang akan diambil kira oleh pihak Agrobank.
- c) Contoh bagi pengiraan yang dinyatakan seperti di atas adalah seperti berikut :-

Item	Jumlah
AgroPrimaS Average Credit Balance (Month End)	RM 6,000.00
Stored Average Credit Balance of Saving Account	RM 4,000.00
All Saving Account Average Credit Balance (Month End)	RM 5,000.00

Berdasarkan formula di atas $RM 6,000 + RM 5,000 - RM 4,000 = \text{RM } 7,000$

Akan tetapi, dengan merujuk peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank, nilai deposit yang layak untuk dikira bagi pemberian Ganjaran **RM 6,000** dan bukannya RM 7,000.